PremiaGlass

Borosilicate Container

Tupperware

© 2022, Tupperware - All Rights Reserved.

Tupperware PREMIAGLASS Borosilicate Container menawarkan fleksibiliti terbaik - dibuat daripada 100% kaca borosilikat, bekas pelbagai guna ini fleksibel untuk digunakan di dalam peti sejuk, ketuhar gelombang mikro, dan ketuhar. Direka untuk kegunaan dalam pelbagai jenis dapur, serta mempunyai penutup kunci pintar yang cantik dan berfungsi secara estetik sebagai pos dalam laman Instagram anda.

Tupperware®

CIRI-CIRI & KEBAIKAN

- **Dasar Jernih seperti Kaca Kristal**
  Dasar yang jernih memudahkan untuk melihat isi dalaman.
- **Sistem Penutup secara Klip - 100% Kedap Udara & Cecair**
  Penutup mempunyai 4 pengunci pintar. 4 pengunci pintar ini dibuat daripada silikon untuk memastikan makanan ditutup dengan kemas serta 100% kedap udara dan kalis kebocoran
- **Serbaguna – Membakar – Menyimpan – Memanaskan – Menghidang**
  Tupperware PREMIAGLASS dibuat daripada kaca borosilikat yang selamat untuk penggnaan peti sejuk ke ketuhar gelombang mikro atau ketuhar yang telah dipanaskan (gunakan tanpa penutup). Pelbagai fungsi dalam bekas yang sama, jimat masa anda tanpa perlu asyik membasuh banyak bekas!
- **Dibuat daripada 100% Kaca Borosilikat**
  Dengan bahan kaca tahan panas yang dapat menahan suhu hingga 300°C.
- **10% lebih ringan daripada kaca terbaja (tempered)**
  Bahan yang ringan untuk mengurangkan beban semasa mengangkat.
- **Tanpa Kesan dan Tahan Bau**
  Dibuat daripada kaca halus tidak berongga yang tidak menyerap bau, rasa atau kesan makanan.
- **Boleh Ditindan**
  Membolehkan anda memaksimumkan ruang di dalam almari, pantri dan peti sejuk.
- **Selamat untuk Peti Sejuk Beku, Mesin Pencuci Pinggan Mangkuk, Ketuhar Gelombang Mikro dan Ketuhar (tanpa penutup)**
  Dibuat daripada kaca tahan panas yang tidak akan melengkung atau retak dengan penggunaan & penjagaan yang betul.

PENGGUNAAN & PENJAGAAN

- Boleh digunakan dalam Ketuhar Gelombang Mikro: Gunakan untuk pemanasan semula dalam ketuhar gelombang mikro (tidak termasuk gelombang mikro dengan elemen keperangan). Semasa pemanasan semula, tanggalkan penutup dan tutup menggunakan tuala kertas untuk mengelakkan percikan.
- Boleh digunakan dalam Ketuhar: Hanya bahagian kaca boleh digunakan di dalam ketuhar konvensional dan penutup mesti dikeluarkan semasa penggunaannya. Suhu selamat menggunakan ketuhar adalah sehingga 300°C.
- Untuk kegunaan Peti Sejuk dan Peti Sejuk Beku: Apabila menggunakan bekas kaca untuk menyimpan makanan di dalam peti sejuk atau peti sejuk beku, keluarkan penutupnya dan biarkan bekas kaca dalam suhu bilik selama 1-2 minit sebelum meletakkannya di dalam ketuhar gelombang mikro dan/atau ketuhar. Semasa membekukan, hanya isi bekas sehingga 75% penuh untuk memberi ruang pengembangan.
- Jangan gunakan pada atau di bawah api, atau sumber haba langsung yang lain.
- Jangan gunakan di atas dapur memasak, di bawah elemen keperangan, di atas pemanggang, atau di dalam pembakar roti.

PANDUAN PEMBERSIHAN

- Sentiasa basuh produk anda sebelum penggunaan pertama.
- Basuh dengan air sabun yang panas dan bilas sehingga bersih atau basuh menggunakan mesin pencuci pinggan mangkuk.
- Semasa meletakkan dalam mesin pencuci pinggan mangkuk, elakkan kejutan mekanikal dengan membiarkan ruang yang cukup di antara bekas kaca.
- Setelah digunakan di dalam ketuhar, pastikan bekas kaca sejuk sebelum dicuci, untuk mengelakkan kejutan terma.
- Untuk menghilangkan kesan atau sisa makanan yang degil, rendam sebentar dalam air sabun suam sebelum mencuci.
- Jangan gunakan pembersih kasar atau pembersih pelelas, kerana ini akan mencalarkan dasar dan penutup plastik.

!!! PERINGATAN !!!

Seperti semua produk kaca, kegagalan untuk mematuhi arahan penggunaan dan penjagaan dengan teliti boleh menyebabkan produk mudah pecah, hingga mengakibatkan kerosakan harta benda dan kecederaan diri yang serius.

KOMITMEN TUPPERWARE

Produk kami mencerminkan komitmen kami untuk memberi kesan yang mampu diukur dalam dunia sekitar. Di Tupperware, kami mencipta semua produk dengan harapan dapat meminimumkan sisa plastik dan sisa makanan. Dengan mencipta produk yang berkualiti, tahan lama, dan boleh digunakan semula untuk tempoh masa yang lama, kami mendukung misi untuk mengurangkan sisa demi keabadian planet, khalayak ramai, dan komuniti yang merupakan sebahagian daripada kehidupan kami.

Tupperware PREMIAGLASS Borosilicate Container Vessel dilindungi oleh jaminan Tupperware daripada sebarang kerosakan bahan atau pembuatan yang mungkin berlaku semasa menggunakan produk mengikut arahan (Penggunaan & Penjagaan) dan dalam penggunaan harian di rumah selama 30 hari dari tarikh pembelian

Tupperware PREMIAGLASS Borosilicate Container Lid dilindungi oleh Tupperware Lifetime Warranty, yang dijamin oleh Tupperware dalam penggunaan bukan komersial harian daripada kerosakan, keretakan, dan pecah tanpa kesan atau pengelupasan sepanjang hayat produk berdasarkan garis panduan Penggunaan & Penjagaan.

Jaminan ini tidak merangkumi kerosakan terhadap produk akibat kecuaian penggunaan atau penyalahgunaan yang mungkin melibatkan pemanasan lampau, kesan kotoran, atau calar pada bahagian dalam dan luar, ataupun apa-apa lekukan yang mungkin berlaku jika produk telah terjatuh.
Jika produk anda dilindungi oleh jaminan, sila rujuk terma jaminan yang digunakan untuk negara anda bagi mendapatkan penerangan penuh tentang perlindungan tersebut. Jaminan tidak meliputi kerosakan yang disebabkan oleh kehausan/ kelusuhan biasa. Sila lihat bahagian PENGGUNAAN & PENJAGAAN untuk maklumat lebih lanjut.
Produk Tupperware boleh digunakan berulang kali. Jika atas apa-apa sebab produk anda mengalami kerosakan dan tidak dilindungi oleh jaminan atau anda tidak lagi memerlukan produk anda, jalankan tanggungjawab anda dan kitar semula produk itu atau maklumkan kepada kami sekiranya kami dapat membantu anda.
Jika produk anda dilindungi oleh jaminan, sila rujuk terma jaminan yang digunakan untuk negara anda bagi mendapatkan penerangan penuh tentang perlindungan tersebut.
Jaminan tidak meliputi kerosakan yang disebabkan oleh kehausan/kelusuhan biasa. Sila lihat bahagian PENGGUNAAN & PENJAGAAN untuk maklumat lebih lanjut.
Produk Tupperware boleh digunakan berulang kali. Jika atas apa-apa sebab produk anda mengalami kerosakan dan tidak dilindungi oleh jaminan atau anda tidak lagi memerlukan produk anda, jalankan tanggungjawab anda dan kitar semula produk itu atau maklumkan kepada kami sekiranya kami dapat membantu anda.